

Nama :

Tarikh :

Kelas :

Hari :

Bahagian 1 : Baca dan Jawab

Setiap hari, Mila suka bermain di taman. Dia memanjat buaian dan bermain pasir bersama rakan-rakannya. Apabila balik ke rumah, tangannya penuh dengan kotoran. Mila tahu tangan yang kotor boleh menyebabkan sakit perut. Jadi, dia segera mencuci tangan dengan sabun dan air bersih. Selepas itu, Mila membantu ibunya menyediakan makanan. Ibunya memuji kerana Mila rajin menjaga kebersihan. Kini, Mila tahu tangan bersih membuatkan hidup lebih sihat!

Arahan : Berdasarkan petikan yang telah anda baca, pilih jawapan yang betul.

Di manakah Mila suka bermain?

- a) Di rumah
- b) Di taman
- c) Di dapur

Siapa yang memuji Mila?

- a) Rakannya
- b) Ibunya
- c) Gurunya

Mengapa tangan Mila kotor?

- a) Kerana dia makan nasi
- b) Kerana dia bermain pasir
- c) Kerana dia membantu ibunya

Apakah pengajaran cerita ini?

- a) Kita mesti rajin belajar
- b) Kita mesti mencuci tangan untuk kekal sihat
- c) Kita mesti bermain di taman

Apakah yang digunakan Mila untuk mencuci tangan?

- a) Air sahaja
- b) Sabun dan air bersih
- c) Tisu

Nama : _____ Tarikh : _____

Kelas : _____ Hari : _____

Bahagian 2 : Isi Tempat Kosong.

Arahan: Lengkapkan ayat dengan perkataan yang betul.

taman kotor sabun memuji sihat

Mila suka bermain di _____.

Tangannya menjadi _____ selepas bermain.

Dia mencuci tangan dengan _____ dan air bersih.

Ibunya _____ Mila kerana rajin.

Tangan bersih membuatkan hidup lebih _____.

Bahagian 3 : Bina Ayat Ringkas

Arahan: Bina satu ayat menggunakan perkataan yang diberi.

tangan

sabun

sihat

makan

bersih
